

BERNAMA 23 FEBRUARI 2018 (JUMAAT)

Peluang Graduan, Pekerja Berpengalaman Isi 6,000 Jawatan ETO

Tarikh kemaskini: 23/02/2018



PELABUHAN KLANG, 23 Feb (Bernama) -- Graduan dan pekerja berpengalaman yang diperakukan sebagai 'Electro-Technical Officer' (ETO) berpeluang mengisi 6,000 jawatan dalam bidang penyelenggaraan teknikal kapal di negara ini.

Sehubungan itu, Jabatan Laut Malaysia (JLM) akan mengadakan program latihan ETO selama enam bulan bagi melahirkan pekerja berkeelayakan dalam usaha mengurangkan kebergantungan industri kapal dagang tempatan terhadap khidmat penyelenggaraan oleh pegawai teknikal asing.

Ketua Pengarah JLM Datuk Baharin Abdul Hamid berkata menerusi program latihan kali pertama itu, jabatan itu menyasar untuk melahirkan 100 pelaut yang mempunyai kelayakan ETO.

"Pemilik kapal-kapal dagang tempatan mahu mempunyai pelaut berkeelayakan ETO dan disebabkan itu, seramai 100 pelaut bersijil perakuan ETO akan dilahirkan tahun ini. Kemudian kita akan bantu tempatkan mereka di syarikat perkapalan yang memerlukan.

"Negara memerlukan lebih 6,000 pegawai yang diperakukan dalam bidang penyelenggaraan teknikal kapal," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.....